



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKE TAHUNAN
SUKE PERTAMA 2020**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2020*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU PERTAMA 2020**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengeluarkan dua (2) laporan baru iaitu **Laporan Indeks Jualan Runcit (IJR)** dan **Laporan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M)** yang akan dikeluarkan secara suku tahunan mulai suku pertama (Q1) 2020.
2. Pada suku pertama (Q1) 2020, prestasi jualan runcit di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan peningkatan sebanyak 4.3 peratus jika dibandingkan dengan suku pertama (Q1) 2019. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan permintaan dalam negeri berikutan impak daripada penularan wabak COVID-19 yang telah meningkatkan hasil jualan bagi aktiviti Pasar Raya, Gedung Serbaneka, *Mini mart*, Peralatan Komputer & Telekomunikasi dan Peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus.
3. Berbanding dengan suku keempat (Q4) 2019, hasil jualan runcit telah meningkat sebanyak 6.6 peratus pada Q1 2020. Peningkatan jualan telah direkodkan bagi aktiviti Pasar Raya, Gedung Serbaneka, Mini mart, Peralatan Komputer & Telekomunikasi, Perkakasan, cat dan kaca di kedai khusus, Peralatan Perabot & Rumah, Peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus dan Lain-lain.
4. Jumlah nilai jualan runcit pada Q1 2020 adalah dianggarkan bernilai sebanyak BND406.0 juta.

5. Bagi perkhidmatan makanan & minuman di Negara Brunei Darussalam pada Q1 2020 berbanding Q1 2019, prestasi jualan perkhidmatan tersebut telah meningkat sebanyak 0.4 peratus yang mana didorong oleh aktiviti Kedai Makanan Segera dan Perkhidmatan Penyajian Minuman.
6. Manakala berbanding dengan Q4 2019, perkhidmatan makanan & minuman telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.7 peratus pada Q1 2020. Ini adalah disebabkan penurunan dalam hasil aktiviti Restoran, Kedai Makanan Segera dan Lain-lain aktiviti perkhidmatan makanan.
7. Jumlah nilai hasil perkhidmatan makanan & minuman pada Q1 2020 adalah dianggarkan bernilai sebanyak BND84.9 juta.
8. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan gambaran bagi tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2020

BRUNEI DARUSSALAM

1. *Department of Economic Planning and Statistics (JPES), has released two (2) new reports on the Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) which will be released every quarter starting first quarter (Q1) 2020.*
2. *In the first quarter (Q1) 2020, retail sales performance in Brunei Darussalam has shown an increase of 4.3 per cent compared to the first quarter (Q1) 2019. This increase was driven by higher domestic demand following the impact of COVID-19 outbreak that has increased sales for Supermarkets, Department Stores, Mini Marts, Computer & Telecommunication Equipment and Electrical household appliances and lighting equipment in specialized stores.*
3. *As compared to the fourth quarter (Q4) 2019, retail sales has recorded an increase of 6.6 per cent in Q1 2020. Sales increases were recorded in Supermarket, Department Store, Mini mart, Computer & Telecommunication Equipment, Hardware, paints and glass in specialized stores, Furniture & Household equipment, Electrical household appliances and lighting equipment in specialized stores and Others.*
4. *The value of retail sales in Q1 2020 was estimated at BND406.0 million.*

5. *For food & beverage services in Brunei Darussalam in Q1 2020 compared to Q1 2019, sales performance of these services has increased by 0.4 per cent which is driven by the activity of the Fast Food Outlets and Beverage Serving Activities.*
6. *While compared to Q4 2019, food & beverage services have recorded a 1.7 per cent decline in Q1 2020. This is due to the decline in revenues of Restaurants, Fast Food Outlets and Other food service activities..*
7. *The value of sales for food & beverages services was estimated at BND84.9 million.*
8. Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.